




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **114 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,769 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Tawau, dan satu (1) kes di daerah Kinabatangan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 131 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 50,237 orang. Pada hari ini juga sejumlah 897 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 345 orang di hospital, 549 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 56 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini.

4 Pada hari ini, dua (2) **kluster** baharu dilaporkan.

- i. **Kluster Lot Satu**, Penampang hari ini mencatatkan sembilan (9) kes positif COVID-19. Kes indeks merupakan pekerja restoran di Pekan Donggonggon yang disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala di klinik swasta pada 14 Februari 2021. Jumlah kumulatif ini berjaya dikesan selepas saringan kontak rapat dan tempat kerja dijalankan.
- ii. **Kluster Lot Tujuh**, Penampang merekodkan jumlah kumulatif lapan (8) kes pada hari ini. Kes indeks merupakan pekerja restoran di Jalan Pintas hasil saringan bergejala pada 16 Februari 2021. Saringan kontak rapat dan tempat kerja masih giat dijalankan bagi mengesan penularan kes jangkitan.

- 5 Daripada 114 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 58 kes (50.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala enam (6) kes (5.3%), saringan kluster baharu dan sedia ada 37 kes (32.4%), pra kemasukan wad / rawatan tiga (3) kes (2.6%), saringan tempat kerja/ masuk kerja lima (5) kes (4.4%) dan lima (5) kes (4.4%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 956 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,935 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,891 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 15.23%.

## **B KEBENARAN AKTIVITI MASJID DAN SURAU**

- 1 Selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa pada 19 Februari 2021, Kerajaan Negeri bersetuju membenarkan solat berjemaah lima (5) waktu dan solat jumaat di seluruh masjid dan surau di semua zon negeri Sabah. Kebenaran tertakluk kepada 1/3 kapasiti dewan solat utama masjid dan surau dengan mengambil kira penjarakkan fizikal.
- 2 Kerajaan Negeri juga bersetuju membenarkan aktiviti di masjid dan surau seperti kuliah maghrib, dhuha dan sebagainya dalam tempoh tidak melebihi satu (1) jam setiap sesi. Aktiviti kelas agama juga dibenarkan diadakan di dewan atau bilik khas masjid tidak melebihi tempoh lima (5) jam dan bilangan peserta tidak melebihi 20 orang dengan pematuhan SOP yang ditetapkan.
- 3 Majlis akad nikah juga dibenarkan di dalam dewan atau bilik khas masjid dengan kehadiran tidak melebihi 20 orang dalam satu masa dengan menjaga disiplin dan mematuhi SOP. Jamuan makan dan minum dibenarkan dalam bentuk bungkusan.
4. Had umur kanak-kanak yang dibenarkan hadir ke masjid dan surau adalah 10 tahun ke atas.

## **C KEBENARAN AKTIVITI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

- 1 Di bawah pelaksanaan PKPB, Kerajaan Negeri juga bersetuju membenarkan aktiviti dan program-program keagamaan di rumah ibadat bukan Islam berkuatkuasa pada 19 Februari 2021. Bilangan kehadiran terhad kepada 1/3 kapasiti rumah ibadat dengan pematuhan SOP ketat yang ditetapkan seperti berikut:
  - i Merekodkan kehadiran penganut menggunakan aplikasi mysejahtera/*sabahtraces* atau mencatat kehadiran dalam buku log yang disediakan.
  - ii Menyediakan kaunter di pintu masuk dewan untuk pemeriksaan suhu badan dan memastikan pergerakan masuk ke dalam dewan mengikut giliran, memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan *hand sanitizer*.
  - iii Para penganut tidak dibenarkan berkumpul di kawasan lapang rumah ibadat termasuklah bersalaman, berpelukan dan mengadakan aktiviti berjadual di dalam dan di luar rumah ibadat seperti kelas keagamaan dan kebudayaan.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 18 Februari 2021, sejumlah **85,737** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 27,208 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 33 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 35 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 70 hebahan melalui kereta peronda.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 207 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 91 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, enam (6) tangkapan dibuat iaitu empat (4) tangkapan di bawah Enakmen Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, dan dua (2) tangkapan adalah di bawah Akta Perikanan 1985.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 409 lokasi melibatkan anggota seramai 153 (APM) dan 63 (RELA).
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Kuala Penyu dan Semporna.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 94 lokasi melibatkan 17 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 243 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Tenom	94%
2	Tuaran	94%
3	Penampang	94%
4	Papar	94%
5	Beaufort	94%
6	Semporna	93%
7	Kunak	93%
8	Beluran	93%
9	Kudat	93%
10	Kota Belud	93%
11	Kinabatangan	93%
12	Keningau	93%
13	Kota Marudu	93%
14	Sipitang	93%
15	Kota Kinabalu	92%
16	Ranau	92%
17	Tawau	92%
18	Sandakan	92%
19	Lahad Datu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
18 Februari 2021**